



OCEAN SPIRIT

SPIRIT *of* ARCHIPELAGO

Pulau Silk Series

Zaimie Sahibil



BALAI SENI LUKIS SABAH
SABAH ART GALLERY

OCEAN SPIRIT

SPIRIT *of* ARCHIPELAGO

Pulau Silk Series

Zaimie Sahibil

Balai Seni Lukis Sabah

2026



KANDUNGAN
CONTENT

Setulus ingatan buat arwah ayahanda
SAHIBIL BIN NINONG (1926-2009)

Doa dan kasih buat ibunda
KILAN BINTI HUSMAN

Kasih dan sayang buat isteri dan anak-anak
RAFIDAH AG. ABBAS
AIMIEZATUL ZAHIRA ZAIMIE
NURHIDAYANA ZAHIRA ZAIMIE
NURSHAFIQAH ZAHIRA ZAIMIE
ALIAMAISARA ZAHIRA ZAIMIE

Antara Dinamik dan Pegun <i>Between Dynamic and Stillness</i>	i
Samudera Sebagai Bahasa Jiwa: Membaca Semula Visual Bajau Laut Dalam Karya Zaimie Sahibil	iii - xiv
<i>Ocean Spirit “Spirit of Archipelago”</i> <i>Pulau Silk Series</i>	1
Pengenalan Artis <i>Artist Introduction</i>	7
Dari Pulau ke Kanvas <i>From Island to Canvas</i>	9 - 90
Biodata	91 - 108

Melangkah masuk ke ruang pameran Ocean Spirit: Spirit of Archipelago Siri Pulau Silk oleh Zaimie Sahibil, pengunjung disapa oleh citra kedinginan warna serta dinamik gerakan antara alunan ombak dan kehidupan. Melalui perspektif sudut pandang burung (*bird’s-eye view*), karya-karya ini menawarkan naratif visual tentang budaya masyarakat Bajau, sebuah komuniti yang memiliki hubungan akrab dengan lautan. Dasar pameran ini berumbi daripada memori kolektif yang membentuk identiti Zaimie sebagai anak jati Pulau Silk. Setiap goresan pada kanvas bukan sekadar dokumentasi visual, sebaliknya merupakan ekspresi estetik yang menuntut penghayatan mendalam daripada penonton.

ANTARA DINAMIK DAN PEGUN

oleh Intan
Munirah
Hamzah

Zaimie memanipulasi palet warna biru bagi menerapkan rasa ketenangan, di mana focal point yang kelihatan pegun dan sendirian dikontraskan dengan latar karya yang dinamik. Melalui teknik olahan tekstur yang unik, latar ini memberikan ilusi riak ombak dan terumbu karang. Ketenangan yang lahir daripada keseimbangan antara objek dan latar mencerminkan sebuah

harmoni yang tuntas. Bukan sahaja dari sudut komposisi artistik, malah sebagai simbol kepada harmoni sosial masyarakatnya, di mana sampan-sampan berlabuh seiringan dan rumah-rumah terbina dalam kebersamaan. Melalui lensa seni, Zaimie bertindak sebagai ‘suara’ yang memecah kesunyian terhadap stigma dan diskriminasi yang sering membayangi masyarakat Bajau, sekali gus menjemput penonton melihat komuniti ini melangkaui prasangka. Namun, karya beliau turut membawa seruan terhadap kelestarian alam. Keindahan biota marin yang ditonjolkan berfungsi sebagai peringatan tentang kerapuhan ekosistem laut yang semakin terancam. Dalam ketenangan biru yang mengisi ruang pameran ini, penonton diajak untuk melihat dengan lebih dekat, di mana laut bukan sekadar latar, tetapi ruang hidup yang sarat dengan memori, hubungan dan tanggungjawab bersama. *Spirit of Archipelago* menawarkan sebuah pengalaman untuk merasai ketenangan yang lahir daripada kehidupan yang saling bergantung antara manusia, alam dan ruang yang mereka diami.

Entering the exhibition space of Ocean Spirit “Spirit of Archipelago” Pulau Silk Series by Zaimie Sahibil, visitors are greeted by a cool chromatic atmosphere and the dynamic interplay between ocean waves and life. Through a bird’s-eye perspective, the works present a visual narrative of the Bajau community, a society deeply connected to the sea.

The foundation of this exhibition is rooted in collective memory that shapes Zaimie’s identity as a native of Pulau Silk. Each brushstroke extends beyond visual documentation, functioning instead as an aesthetic expression that invites contemplation. Zaimie manipulates a predominantly blue palette to evoke a sense of calm, where isolated and seemingly static focal points are contrasted against dynamic backgrounds. Through distinctive textural treatments, these backgrounds create the illusion of rippling waves and coral reefs. The serenity that emerges from this balance reflects a profound sense of harmony. Not only within artistic composition, but also as a symbol of social harmony, where boats rest side by side and houses are built in close proximity through collective living.

Through the lens of art, Zaimie acts as a ‘voice’ that disrupts the silence surrounding the stigma and discrimination often faced by the Bajau community, inviting viewers to look beyond prejudice. At the same time, the works carry a call for environmental sustainability. The depiction of marine biodiversity serves as a reminder of the fragility of ocean ecosystems increasingly under threat. Within the blue stillness that fills the exhibition space, viewers are encouraged to look closer, where the sea is not merely a backdrop, but a living space imbued with memory, relationships, and shared responsibility. Spirit of Archipelago offers an experience of tranquility born from interdependence between humanity, nature, and the spaces they inhabit.

BETWEEN DYNAMIC AND STILLNESS

by Intan
Munirah
Hamzah

SAMUDERA SEBAGAI BAHASA JIWA: MEMBACA SEMULA VISUAL BAJAU LAUT DALAM KARYA ZAIMIE SAHIBIL

oleh Rosyida Mohd Rozlan

“Menjadi **seniman** bukan hanya soal menemukan siapa dirinya, tetapi juga **berani** meninggalkan siapa yang bukan dirinya.”

Petikan ini adalah jangkar simbolik yang menambat pemahaman kita sebelum menyusuri gelombang ekspresi artistik Zaimie Sahibil. Dalam tradisi seni kontemporari, proses menemukan bahasa visual jarang berlaku secara linear; ia sering terhasil daripada pertemuan antara memori, ruang geografi, sejarah kolektif dan pencarian spiritual yang mendalam. Dalam konteks karya Zaimie Sahibil, bahasa visual tersebut tidak lahir daripada abstraksi semata-mata, tetapi berakar pada pengalaman hidup sebagai anak jati komuniti Bajau Laut di Pulau Silk, Sabah.

Dalam geografi budaya Asia Tenggara, laut bukan sekadar ruang pemisah antara daratan. Laut adalah medan pergerakan manusia, laluan perdagangan, ruang spiritual dan arkib sejarah yang merakam perjalanan tamadun kepulauan. Kesedaran ini menjadi asas kepada pemikiran *archipelagic consciousness* yang semakin mendapat perhatian dalam wacana seni kontemporari. Dalam kerangka ini, laut tidak dilihat sebagai batas tetapi sebagai jaringan hubungan yang menghubungkan pulau-pulau, budaya dan pengalaman manusia semata. Seperti arus yang mengalir tanpa henti, koleksi ini menghubungkan perspektif lama dan baru, mengundang penonton untuk menemui kembali hubungan antara manusia, laut, dan imaginasi kreatif. Karya-karya Zaimie Sahibil muncul dalam konteks kesedaran kepulauan ini.

Melalui siri *Ocean Spirit: Spirit of Archipelago – Pulau Silk Series*, beliau membangunkan bahasa visual yang menggabungkan memori komuniti Bajau Laut, pengalaman hidup di pesisir Sabah dan refleksi spiritual terhadap alam.

Dalam perjalanan artistiknya, Zaimie Sahibil bukan sekadar pengkarya visual tetapi juga pendidik yang memahami seni sebagai wadah pembelajaran, refleksi, dan pemaknaan budaya. Karya-karyanya, sejak era 1990-an hingga kini, tidak hanya memetaforakan laut dan dunia bawah air sebagai tema estetik tetapi menyuarakan naratif identiti, memori budaya, dan tanggungjawab sosial. Latar belakangnya sebagai guru seni visual memberi dimensi pedagogi kepada karya-karyanya, menjadikan pameran ini bukan sekadar tontonan estetika tetapi juga pengalaman intelektual dan refleksi bagi penonton. Dalam perjalanan artistiknya, Zaimie Sahibil dari kaca mata penulis adalah seorang pengkarya atau seniman yang mencerminkan dinamika pencarian identiti dan jati dirinya:

“Banyak seniman menemukan jati dirinya justeru dari hal-hal yang dia sedari bukan dirinya. Apa yang selalunya pengkarya anggap bukan dirinya, sering kali menjadi penanda bahawa dia sedang bergerak menuju bahasa visualnya sendiri.”

Pernyataan ini membuka satu kerangka tafsir terhadap karya beliau. Identiti artistik tidak muncul sebagai deklarasi budaya yang segera, tetapi terbentuk melalui proses kesedaran, penjarakan dan pertemuan semula dengan akar pengalaman hidup. Menjejaki perjalanan usaha kreatif Zaimie Sahibil, proses tersebut akhirnya membawa beliau kembali kepada dunia maritim masyarakat Bajau Laut—sebuah komuniti yang secara historis hidup hubungan intim dengan laut dan falsafah laut sebagai ruang kosmologi dan perhubungan saudara.

Dilahirkan di Pulau Lagaton atau Pulau Silk pada tahun 1970, pengalaman awal kehidupan Zaimie Sahibil terbentuk dalam landskap komuniti nelayan yang bergantung kepada laut sebagai sumber kehidupan. Dalam budaya Bajau Laut, laut bukan sekadar ruang ekonomi tetapi juga ruang kosmologi yang menghubungkan manusia dengan alam dan sejarah nenek moyang. Kehidupan masyarakat ini sering digambarkan sebagai kehidupan yang “bergerak bersama laut”,

di mana identiti tidak terikat kepada daratan tetapi kepada pergerakan ombak dan arus. Untuk memahami sepenuhnya bahasa visual Zaimie Sahibil, kita perlu terlebih dahulu menelusuri kosmologi masyarakat Bajau Laut itu sendiri. Komuniti ini—yang sering digelar sebagai *Sea Nomads* atau “Gipsi Laut”—memiliki falsafaah hidup yang berakar pada hubungan ontologi dengan laut. Bagi mereka, laut bukan sekadar ruang geografi atau sumber ekonomi, tetapi merupakan entiti yang hidup, sebuah saudara kosmik yang membentuk identiti, spiritual dan cara memahami dunia.

Dalam pengertian falsafah ini, laut berfungsi sebagai rumah ontologi—senuah ruang yang bukan sahaja menampung kahidupan fizikal tetapi juga memelihara hubungan spiritual antara manusia dan alam. Falsafah ini juga menjelaskan mengapa kehidupan Bajau Laut secara tradisional berpusat pada lepa, iaitu perahu kayu yang menjadi rumah terapung mereka. Lepa bukan sekadar alat pengangkutan, tetapi simbol kebebasan, kemandirian dan mobiliti budaya. Hidup di atas lepa bermakna hidup dalam keadaan sentiasa bergerak bersama ritma laut—pasang surut air, pergerakan arus, dan musim ikan. Dalam konteks ini, ruang laut tidak dilihat sebagai sesuatu yang tidak stabil, sebaliknya sebagai suatu sistem keseimbangan yang dinamik—sentiasa berubah, bernafas, dan bergerak seiring ritma pasang surutnya, namun tetap mengekalkan keharmonian jauh daripada kecanggungan dan kegelisahan kehidupan manusia.

Justeru itu, pengalaman inilah yang membentuk kepekaan visual yang kemudian berkembang dalam karya-karya Zaimie. Memahami pergerakan arus, dan mengenali ekosistem terumbu karang dengan ketepatan yang hampir intuitif ini diterjemahkan dan dipelajari tidak melalui sistem pendidikan formal, tetapi melalui pengalaman hidup yang berterusan bersama laut. Permukaan kanvasnya sering dipenuhi tekstur berlapis, warna yang mendalam dan gerakan bentuk yang menyerupai ritma laut. Jika diteliti secara intuitif, hampir kesemua permukaan karya Zaimie mempunyai tekstur yang menghasilkan kesan optik yang berubah-ubah apabila

cahaya mengenai permukaan karya tersebut dan mencipta ilusi riak ombak yang bergerak. Dari perspektif kuratorial, strategi visual ini boleh difahami sebagai usaha untuk memindahkan pengalaman laut ke dalam ruang galeri—menjadikan karya bukan sekadar objek visual tetapi pengalaman sensori yang menghidupkan memori maritim.

Archipelago Thinking: Laut sebagai Penghubung

Idea tentang dunia kepulauan sebagai sistem hugungan maritim telah dihuraikan secara mendalam oleh sarjana Pasifik Epeli Hau’ofa dalam esainya *Our Sea of Islands*. Hau’ofa menolak pandangan kolonial yang melihat pulau-pulau sebagai ruang kecil dan terpencil. Sebaliknya, beliau menegaskan bahawa laut adalah ruang yang menyatukan pulau-pulau dalam jaringan budaya dan sejarah yang luas. Pandangan ini sangat relevan dalam membaca karya-karya Zaimie sejak seawal tahun 1986. Perjalanan pameran berkumpulan dan solo Zaimie memperlihatkan evolusi tematik yang sangat konsisten dengan identiti maritim Bajau Laut. Bermula dengan eksplorasi fauna laut seperti siri *Colours of The Ocean Series*, beliau kemudian mengembangkan wacana visual kepada pengalaman komuniti pesisir melalui siri seperti *Ocean Wave*, *The Saltiness of The Ocean*, dan akhirnya mencapai dimensi kosmologi dalam siri terkini beliau bertajuk: *Ocean Spirit: Spirit of Archipelago*. Tema-tema ini menunjukkan bahawa laut bukan sekadar subjek visual dalam karya beliau, tetapi merupakan ruang memori, identiti dan kosmologi Bajau Laut yang terus berkembang sepanjang lebih tiga dekad praktik seni beliau.

Siri Spirit of Archipelago, memperlihatkan karya-karya dengan perspektif udara (*bird’s-eye view*) yang sering digunakan dalam komposisinya dengan gambaran-gambaran pulau-pulau kecil yang dikelilingi oleh laut luas. Sudut pandang ini memberi kesan bahawa pulau-pulau tersebut bukan terasing, tetapi saling berhubung melalui jaringan laut. Dalam konteks Sabah dan laut Sulu, hubungan maritim ini telah lama menjadi asas kepada mobiliti masyarakat Bajau Laut yang bergerak antara pulau-pulau tanpa bergantung kepada sempadan geopolitik moden. Signifikannya Pulau Silk dalam karya Zaimie tidak hanya merujuk kepada satu lokasi geografi, malah menjangkau lebih dari sekadar pemvisualan. Ia berfungsi sebagai metafora kepada seluruh landskap kepulauan Nusantara—ruang pertemuan budaya, perdagangan dan memori sejarah.

Place-Based Art: Memori sebagai Tapak Kreatif

Teori *place-based* art menekankan bahawa karya seni sering lahir daripada hubungan mendalam antara seniman dan tempat tertentu. Ahli geografi humanistik Yi-Fu Tuan (1977) dalam bukunya *Space and Place: The Perspective of Experience* menjelaskan bahawa “*place is security, space is freedom*.” Tempat memberi rasa keterikatan emosi, sementara ruang membuka kemungkinan pengalaman.

Dalam karya Zaimie, laut menjadi kedua-duanya—ruang kebebasan dan tempat memori. Perahu, rumah pesisir dan kehidupan komuniti nelayan yang muncul dalam karya beliau bukan sekadar imej dokumentari. Ia adalah serpihan pengalaman zaman kanak-kanak yang membesar dalam komuniti Bajau Laut. Melalui pendekatan ini, karya beliau berfungsi sebagai peta emosi—sebuah kartografi memori yang menghubungkan pengalaman individu dengan sejarah komuniti.

Penekanan kepada estetika maritim, iaitu estetika gerakan laut sering dikaitkan dengan kualiti visual yang cair, dinamik dan sentiasa berubah. Interaksi antara ombak, cahaya dan kedalaman air menghasilkan pengalaman visual yang kompleks dan berlapis-lapis, sekali gus mencabar persepsi visual konvensional terhadap ruang dan bentuk serta pengalaman manusia (Brady, 2003; Cohen & Quigley, 2019; Manning et al., 2023). Ciri ini jelas dalam palet warna Zaimie yang didominasi oleh spektrum biru. Dalam kenyataan artistiknya, beliau menyatakan bahawa samudera biru adalah “bahasa sukma”—yang sering dilihat sebagai ruang simbolik yang menghadirkan ketenangan dan perlindungan emosi kepada manusia. Dalam psikologi warna dan simbolisme seni, biru dikaitkan dengan rasa damai, refleksi dalaman dan kestabilan emosi, sekali gus menjadikannya metafora kepada kedalaman spiritual dalam pengalaman manusia (Kaya & Epps, 2004; Eiseman, 2000; Pastoureau, 2011).

Dalam tradisi estetika Islam pula, penulis melihat karya-karya Zaimie Sahibil yang melepasi sekadar gambaran alam semula jadi, tetapi kepada sebuah manifestasi tanda-tanda Ilahi yang mengingatkan manusia kepada kebesaran dan keteraturan ciptaan Tuhan. Menurut Seyyed Hossein Nasr, alam dalam kosmologi Islam bukan sekadar realiti fizikal tetapi medan kontemplasi spiritual yang menghubungkan manusia dengan dimensi metafizik. Dalam konteks ini, warna biru sering dikaitkan dengan keluasan kosmos dan kedalaman langit, yang melambangkan infinitud dan keagungan Ilahi. Kefahaman spiritual ini juga turut dihuraikan oleh Titus Burckhardt, dimana bahasa visual dalam seni Islam berfungsi sebagai simbol kosmik yang menzahirkan harmoni antara dunia material dan realiti spiritual. Oleh itu, representasi laut dalam karya catan boleh difahami sebagai ruang kontemplatif yang mengundang penonton untuk merenung hubungan antara manusia, alam dan Pencipta, sekali gus menghidupkan pengalaman estetika yang bersifat reflektif dan transendental.

Seniman sebagai Khalifah: Etika dan Penyucian Jiwa

Karya-karya Zaimie Sahibil, apabila dianalisis melalui lensa pemikiran Islam, mencerminkan tanggungjawab manusia sebagai khalifah–penjaga amanah Ilahi terhadap bumi. Perspektif ini tidak sekadar menekankan hubungan etika manusia dengan alam, tetapi juga menyingkap dimensi spiritual dan moral yang menjadi tunjang ekspresi artistik beliau. Dalam konteks ini, dua prinsip etika Islam yang fundamental dapat dikaitkan sebagai konseptual bagi perjalanan kreatif Zaimie:

Tahdhib al-nafs – penyucian jiwa, yang membimbing individu untuk mencapai kesedaran batin, kepekaan estetika, dan kefahaman mendalam terhadap realiti alam dan kehidupan manusia;

Islah al-akhlaq – pembetulan akhlak yang baik, yang menekankan integriti, keseimbangan, dan keharmonian tindakan manusia dengan kehendak Ilahi.

Karya-karya Zaimie Sahibil bukan sekadar objek visual untuk dinikmati, tetapi juga manifestasi falsafah yang mendalam, menghubungkan etika peribadi dengan pengalaman estetika. Dalam setiap karya beliau, terdapat usaha yang jelas untuk memindahkan nilai-nilai moral dan kesedaran spiritual kepada penonton. Melalui penggunaan simbolisme, warna, dan tekstur, Zaimie menjemput penonton merenung hakikat kehidupan, alam, dan hubungan manusia dengan Yang Ilahi. Prinsip-prinsip ini tersirat dalam simbolisme dan motif karya-karya beliau, di mana elemen-elemen maritim, lanskap, dan kehidupan komuniti Bajau Laut tidak hanya berfungsi sebagai representasi visual, tetapi juga sebagai medium refleksi etika dan tanggungjawab khalifah, memanggil penonton untuk merenung peranan manusia dalam menjaga keseimbangan antara manusia, alam, dan Tuhan.

Pemikir Islam seperti Al-Ghazali menekankan bahawa penyucian jiwa memerlukan refleksi terhadap keindahan ciptaan Tuhan. Alam menjadi medan tafakkur yang membantu manusia mengenali kebesaran Ilahi. Dalam konteks kontemporari, pemikir seperti Seyyed Hossein Nasr juga menegaskan bahawa krisis ekologi moden berpunca daripada kehilangan dimensi spiritual dalam hubungan manusia dengan alam. Justeru itu, kerangka ini memperlihatkan peranan seni sebagai medium etika yang mengingatkan manusia kepada tanggungjawab mereka terhadap alam.

Selain itu, proses penciptaan karya itu sendiri mencerminkan dimensi penyucian jiwa bagi Zaimie. Setiap garisan, warna, dan lapisan media adalah refleksi perjalanan dalaman artis–proses yang memerlukan kesabaran, ketekunan, dan introspeksi. Dalam konteks ini, seni menjadi alat transformasi peribadi, di mana penciptaan estetika selari dengan latihan spiritual dan penapisan nilai-nilai etika. Penonton, melalui interaksi dengan karya, turut mengalami dimensi ini–mendapat peluang untuk merenung, membersihkan hati, dan menumbuhkan sensitiviti terhadap keindahan dan kebenaran.

Selain daripada pencapaian artistik peribadi, Zaimie juga telah menunjukkan komitmen sosial yang tinggi melalui sumbangan karyanya. Beliau berperanan sebagai art patron, menyumbangkan karya kepada institusi seperti Balai Seni Lukis Sabah dan Palliative Care Association of Kota Kinabalu, Sabah selama beberapa tahun. Usaha ini bukan sekadar sumbangan seniman kepada masyarakat, tetapi juga membawa manfaat moral dan rohani kepada masyarakat yang menerima karya-karya tersebut. Sumbangan lain termasuk pemberian karya untuk pameran amal dan program komuniti yang memupuk kesedaran sosial, empati, dan penghargaan terhadap seni sebagai medium pendidikan moral.

Sejak awal 1980-an, karya-karya Zaimie Sahibil telah menampilkan keindahan biota marin dan lanskap laut dengan rasa hormat dan ketelitian yang mendalam. Bagi Zaimie, laut bukan sekadar subjek visual, tetapi sebuah amanah kosmik yang mesti dijaga dan dihargai—sebuah wacana etika yang tersurat dalam setiap sapuan kuasnya. Melalui pilihan warna, komposisi, dan tekstur, karya-karya ini secara halus mengajak penonton untuk merenung kembali hubungan manusia dengan alam dalam dunia kontemporari yang semakin jauh daripada sumber kehidupannya.

Dalam konteks sejarah perkembangan seni visual tanahair, karya Zaimie menempatkan dirinya di persimpangan estetika kontemporari dan tradisi Melayu-Islam yang menghargai keselarasan manusia dengan alam. Dimensi spiritual dan kecintaan yang mendalam ini bergetar dalam setiap lukisan, seiring resonansi bait-bait puisi Kepada Cinta oleh penyair Indonesia, Teguh Esha—di mana kata-kata menjadi pengalaman visual dan visual menjadi medium meditasi rohani. Penonton bukan sekadar menyaksikan lukisan, tetapi turut dibawa dalam perjalanan refleksi, merasai hubungan antara estetika, etika, dan pengalaman spiritual yang telah lama menjadi nadi seni Malaysia.

“Cinta adalah kesediaan untuk menjaga apa yang dipercayakan kepadamu...”

Bait ini, yang biasanya dibaca dalam konteks hubungan manusia, namun di tangan Zaimie ianya seolah mengambil nafas baru—menjadi panduanetika dan moral yang membimbing hubungan manusia dengan laut, ruang yang membentuk identiti dan warisan budaya komuniti Bajau Laut. Dalam koleksi pameran solonya yang terbaru, setiap karya menjadi pelayaran tersendiri—gelombang warna, tekstur, dan simbolisme mengalir menuntut penonton menembus kedalaman makna. Seperti puisi di atas, ianya bukan hanya menjadi gema spiritual, tetapi juga cermin refleksi peribadi Zaimie: bahawa cinta sejati bukan sekadar emosi, tetapi kesediaan untuk memelihara, menghargai, dan menjaga apa yang dipercayakan kepadamu—baik itu alam, budaya, atau warisan manusia.

Laut, bagi beliau, bukan hanya subjek visual, tetapi simbol tanggungjawab khalifah—manifestasi cinta yang diwujudkan melalui perhatian, pemeliharaan, dan penghormatan terhadap alam dan budaya yang diwarisi. Koleksi ini, dengan demikian, mengajak penonton untuk merasai, merenung, dan menelusuri makna yang lebih luas ke ranah ekologis dan maritim; tentang hubungan etika, estetika, dan spiritual yang membentuk naratif maritim dan identiti kreatif. Karya-karya Zaimie menegaskan bahawa seni adalah medium yang hidup, yang menghubungkan manusia dengan alam dan warisan budaya secara intim dan bermakna. Oleh itu, koleksi pameran solo ini bukan sekadar ekspresi estetik, tetapi juga catatan moral dan spiritual, yang menekankan bahawa seni adalah medium untuk menghidupkan prinsip cinta sebagai amanah dan tanggungjawab manusia terhadap alam dan warisan budaya.

Seni sebagai Cultural Witnessing

Selain sebagai pelukis/seniman, Zaimie Sahibil juga seorang penyelidik budaya yang menjalankan kajian tentang kehidupan masyarakat Bajau Laut, termasuk aspek sosioekonomi nelayan dan struktur rumah tradisional. Penglibatan ini menunjukkan bahawa praktik seni beliau tidak terpisah daripada tanggungjawab sosial.

Dalam wacana seni kontemporari, pendekatan ini dikenali sebagai cultural witnessing—seni yang berfungsi sebagai saksi kepada pengalaman komuniti yang jarang diwakili dalam naratif arus perdana. Melalui karya-karya ini, Zaimie bukan sahaja mencipta imej estetika tetapi juga merekod memori budaya yang berisiko hilang dalam arus globalisasi.

Dalam keseluruhan siri Spirit of Archipelago, laut muncul sebagai metafora kepada perjalanan manusia dalam memahami identiti, spiritualiti dan tanggungjawab moral. Samudera sebagai metafora kehidupan dapat dilihat pada karya-karya yang dipamerkan melalui bahasa visual yang kaya dengan tekstur, warna dan perspektif, Zaimie Sahibil mencipta pengalaman estetik yang bersifat kontemplatif—mengajak penonton merenung hubungan antara manusia dan alam dan di sinilah kekuatan utama karya beliau.

Ia tidak sekadar menggambarkan laut, tetapi menghidupkan kesedaran bahawa manusia sendiri adalah sebahagian daripada ssamudera kehidupan—luas, mendalam dan sentiasa berubah. Setiap ombak yang tidak pernah berhenti bergerak, bahasa visual seorang seniman juga sentiasa berkembang. Dan dalam setiap gelombang yang terlukis di kanvas Zaimie Sahibil, kita seolah-olah mendengar gema sebuah budaya maritim yang terus bernafas—mengingatkan bahawa seni bukan hanya tentang melihat dunia, tetapi juga tentang menjaga amanah kehidupan di dalamnya.

Rujukan:

Burckhardt, T. (2009). Art of Islam: Language and Meaning. World Wisdom.
Esha, T. (n.d.). Kepada Cinta [Poem].
Grabar, O. (1987). The Formation of Islamic Art. Yale University Press.
Hau’ofa, E. (1994). Our Sea of Islands. University of Hawai’i Press.
Nasr, S.H. (1993). The Spiritual and Religious Dimensions of Nature. Toward a Sacred Ecology. World Wisdom.
Nasr, S. H. (1996). Religion and The Order of Nature. Oxford University Press,
Schimmel , A. (1994). Deciphering the Signs of God: A Phenomenological Approach to Islam. State University of New York Press.
Tuan, Y.-F. (1977). Space and Place: The Perspective of Experience. University of Minnesota Press.
Al-Ghazali. (n.d.). Ihya’ ‘ulum al-din [The Revival of Religious Sciences].
(Terjemahan/edisi bergantung pada sumber).

OCEAN SPIRIT “SPIRIT OF ARCHIPELAGO” SIRI PULAU SILK

Bagi saya, samudera biru adalah bahasa sukma, sebuah ruang ketenangan yang tidak bertepi, tempat jiwa bernaung dan bernafas. Biru hadir sebagai doa yang hening, seolah-olah langit dan laut berbicara terus kepada sanubari tanpa memerlukan kata. Ia mencerminkan peribadi batin dan pandangan spiritual saya terhadap kehidupan, di mana seni wujud sebagai pengalaman dalaman yang hanya dapat dirasai melalui penghayatan yang mendalam.

Biru bukan sekadar warna, tetapi sebuah pintu menuju alam semangat dan keabadian. Dalam keheningan tona biru, saya percaya jiwa manusia dapat terangkat ke satu ruang refleksi yang melampaui logik dan kebendaan. Seni, bagi saya, harus membawa manusia melangkaui batas material, menuju kesunyian, kesedaran diri dan hubungan yang lebih jujur dengan alam. Semakin lama biru itu ditatap, semakin dalam ruang renungannya, seolah-olah berdiri di tepian laut yang tenang sambil memerhati cahaya senja di kaki langit.



Falsafah ini menjadi teras kepada siri Spirit of Archipelago: Siri Pulau Silk, sebuah koleksi yang menyelami jiwa kepulauan dan pengalaman hidup saya sebagai anak pulau. Pulau Silk bukan sekadar latar geografi, tetapi paksi memori, identiti dan pembentukan diri. Membesar dalam keluarga nelayan dan komuniti pesisir pantai, kehidupan laut telah membentuk cara saya melihat dunia—tentang hubungan manusia dengan alam, ketahanan budaya dan kebijaksanaan hidup yang lahir daripada persekitaran maritim.

Karya-karya dalam siri ini berakar daripada naratif peribadi dan nostalgia, merakam denyut nadi kehidupan masyarakat Bajau yang akrab dengan laut. Elemen kehidupan marin, pergerakan ombak dan keluasan samudera diterjemahkan melalui warna biru, tekstur berlapis dan interaksi cahaya. Apabila disinari, permukaan karya seolah-olah bernafas, memancarkan tenaga yang hidup antara ruang visual dan emosi penonton.

Pada masa yang sama, siri ini juga menjadi ruang refleksi terhadap alam sekitar dan kelestarian ekosistem laut. Ia adalah suara halus tentang tanggungjawab manusia terhadap alam yang telah memberi kehidupan. Pulau Silk dalam karya ini melambangkan sesuatu yang lebih besar—seluruh kepulauan Sabah dan wilayah Nusantara, sebagai metafora hubungan antara manusia, budaya dan alam.

Secara keseluruhan, Spirit of Archipelago adalah aliran jiwa yang menghubungkan memori, budaya dan alam. Pulau Silk, tempat kelahiran saya di Kampung Lagaton, kekal sebagai sumber inspirasi abadi—“nyawa” yang menghidupkan setiap karya yang terhasil.

For me, the blue ocean is a language of the soul. A boundless space of calm where the spirit finds rest and breath. Blue exists as a quiet prayer, as if the sky and sea speak directly to the human heart without words. It reflects my inner self and a subtle spiritual outlook on life, where art is not merely seen, but experienced through deep contemplation.

Blue is not simply a colour; it is a gateway to the realm of spirit and timelessness. Within its stillness, I believe the human soul is lifted into a space beyond logic and material concerns. Art, in this sense, should guide us past the physical world—towards silence, reflection and an honest reconnection with nature. The longer one gazes into blue, the deeper the sense of quiet becomes, like standing at the edge of a calm sea while watching dusk dissolve into the horizon.



This philosophy forms the foundation of Spirit of Archipelago: Pulau Silk Series, a body of work that explores the essence of island life and my lived experience as an island-born artist. Pulau Silk is not merely a geographical location, but a centre of memory, identity and self-formation. Growing up in a fisherman’s family within a coastal community, the sea shaped my worldview which is defining relationships between humans and nature, cultural resilience and the wisdom that emerges from a maritime way of life.


The works in this series are rooted in personal narratives and childhood memories, capturing the rhythms of daily life among the Bajau community, whose existence is inseparable from the ocean. Marine elements, the movement of waves and the vastness of the sea are translated through blue hues, layered textures and the interaction of light. When illuminated, the surface of the works appears to breathe, emitting an energy that exists between visual perception and emotional response.

At the same time, the series serves as a quiet reflection on environmental awareness and the fragility of marine ecosystems. It speaks gently of humanity’s responsibility to protect the natural world that sustains life. In this context, Pulau Silk becomes a metaphor for something larger, that is the islands of Sabah and the wider Nusantara. Symbolising the interconnected relationship between people, culture and nature.

Ultimately, Spirit of Archipelago is a flow of the soul that binds memory, culture and environment. Pulau Silk, my birthplace in Kampung Lagaton, remains an enduring source of inspiration. The living “spirit” behind every work I create.

ZAIMIE SAHIBIL

PhD



PENGENALAN ARTIS

Dr. Zaimie Sahibil merupakan seorang seniman visual dan pendidik seni yang berasal dari Pulau Banggi, Sabah. Dilahirkan pada tahun 1970, minat beliau terhadap seni telah berakar sejak kecil, dipengaruhi oleh latar keluarga yang kaya dengan tradisi pertukangan tangan, ukiran, anyaman dan pembuatan kraf komuniti pesisir.

Perjalanan seni Zaimie berkembang secara organik. Bermula daripada pengalaman hidup, pendidikan formal dalam bidang perguruan dan seni halus, sehinggalah kepada penglibatan aktif dalam dunia seni visual di peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa. Beliau memperoleh pendidikan seni di Maktab Perguruan Gaya, Universiti Malaysia Sarawak dan Universiti Malaysia Sabah, yang membentuk pendekatan karyanya yang kukuh dari segi konsep, teknik dan konteks budaya.

Karya-karya beliau mudah dikenali melalui penggunaan warna yang berani, lapisan tekstur yang kaya serta skala yang sering bersifat besar dan eksperimental. Menggunakan pelbagai medium seperti cat air, akrilik, cat minyak, fabrik dan bahan campuran, Zaimie menghasilkan karya dua dimensi yang bergerak antara catan, kolaj dan cetakan.

Selain berkarya, beliau aktif dalam kepimpinan seni, kuratorial, pendidikan dan penyelidikan, serta terlibat secara langsung dalam pembangunan dan pemeraksanaan seni visual di Sabah. Karya beliau telah dikoleksi oleh institusi, tokoh kenamaan dan pengumpul seni dari dalam serta luar negara.

ARTIST INTRODUCTION

Dr. Zaimie Sahibil is a visual artist and art educator from Pulau Banggi, Sabah. Born in 1970, his artistic sensibility was shaped early in life through a family background deeply rooted in traditional craftsmanship, including carving, weaving and community-based artisanal practices.

His artistic journey evolved organically. Grounded in lived experience, formal training in art education and fine art, and sustained through active engagement in Sabah’s visual art landscape at regional, national and international levels. He received his art education from Institut Pendidikan Guru Gaya, Universiti Malaysia Sarawak and Universiti Malaysia Sabah, which collectively strengthened his conceptual, technical and cultural approach to art-making.

Zaimie’s works are recognised for their bold use of colour, layered textures and often large-scale compositions. Working across a range of media such as watercolour, acrylic, oil paint, fabric and mixed materials, he produces two-dimensional works that traverse painting, collage and printmaking.


Beyond studio practice, he is actively involved in arts leadership, curatorial work, education and research, contributing significantly to the development of visual arts in Sabah. His works are held in collections by institutions, prominent figures and art collectors locally and internationally.



DARI PULAU KE KANVAS
FROM ISLAND TO CANVAS



**SPIRIT OF ARCHIPELAGO PULAU SILK SERIES 06
(2025)**
90 x 90 cm
Akrilik atas kanvas
RM7,500



SPIRIT OF ARCHIPELAGO PULAU SILK SERIES 07
(2023)
77 x 77 cm
Akrilik atas kanvas
RM7,500



SPIRIT OF ARCHIPELAGO PULAU SILK SERIES 08
(2023)
77 x 77 cm
Akrilik atas kanvas
RM7,500



**SPIRIT OF ARCHIPELAGO PULAU SILK SERIES 09
(2025)**
90 x 90 cm
Akrilik atas kanvas
RM7,500



**SPIRIT OF ARCHIPELAGO PULAU SILK SERIES 10
(2025)**
90 x 90 cm
Akrilik atas kanvas
RM7,500



**SPIRIT OF ARCHIPELAGO PULAU SILK SERIES 11
(2025)**
120 x 120 cm
Akrilik atas kanvas
RM7,500



**SPIRIT OF ARCHIPELAGO PULAU SILK SERIES 12
(2025)**
90 x 90 cm
Akrilik atas kanvas
RM7,500



**SPIRIT OF ARCHIPELAGO PULAU SILK SERIES 13
(2025)**
90 x 90 cm
Akrilik atas kanvas
RM7,500

**SPIRIT OF ARCHIPELAGO PULAU SILK SERIES 14
(2025)**
90 x 90 cm
Akrilik atas kanvas
RM7,500





SPIRIT OF ARCHIPELAGO PULAU SILK SERIES 15
(2025)
 90 x 90 cm
 Akrilik atas kanvas
 RM7,500



SPIRIT OF ARCHIPELAGO PULAU SILK SERIES 16
(2025)
 90 x 90 cm
 Akrilik atas kanvas
 RM7,500



**SPIRIT OF ARCHIPELAGO PULAU SILK SERIES 17
(2025)**

90 x 90 cm

Akrilik atas kanvas

RM8,500




SPIRIT OF ARCHIPELAGO PULAU SILK SERIES 18
(2025)
90 x 90 cm
Akrilik atas kanvas
RM10,500




SPIRIT OF ARCHIPELAGO PULAU SILK SERIES 19
(2025)
90 x 90 cm
Akrilik atas kanvas
RM9,500

**SPIRIT OF ARCHIPELAGO PULAU SILK SERIES 20
(2025)**
90 x 90 cm
Akrilik atas kanvas
RM7,500





**SPIRIT OF ARCHIPELAGO PULAU SILK SERIES 21
(2025)**
90 x 90 cm
Akrilik atas kanvas
RM7,500



**SPIRIT OF ARCHIPELAGO PULAU SILK SERIES 22
(2025)**
90 x 90 cm
Akrilik atas kanvas
RM7,500



**SPIRIT OF ARCHIPELAGO PULAU SILK SERIES 23
(2025)**

90 x 90 cm

Akrilik atas kanvas

RM9,500



SPIRIT OF ARCHIPELAGO PULAU SILK SERIES 24
(2025)
 90 x 90 cm
 Akrilik atas kanvas
 RM10,500



SPIRIT OF ARCHIPELAGO PULAU SILK SERIES 25
(2025)
 90 x 122 cm
 Akrilik atas kanvas
 RM13,500




SPIRIT OF ARCHIPELAGO PULAU SILK SERIES 26
(2025)
90 x 90 cm
Akrilik atas kanvas
RM7,500



SPIRIT OF ARCHIPELAGO PULAU SILK SERIES 27
(2025)
75 x 90 cm
Akrilik atas kanvas
RM9,500



**SPIRIT OF ARCHIPELAGO PULAU SILK SERIES 28
(2025)**
75 x 90 cm
Akrilik atas kanvas
RM9,500



**SPIRIT OF ARCHIPELAGO PULAU SILK SERIES 29
(2025)**
122 x 122 cm
Akrilik atas kanvas
RM15,500




**SPIRIT OF ARCHIPELAGO PULAU SILK SERIES 30
(2025)**

143 x 143 cm

Akrilik atas kanvas


RM27,500




**SPIRIT OF ARCHIPELAGO PULAU SILK SERIES 31
(2025)**
90 x 90 cm
Akrilik atas kanvas
RM7,500



**SPIRIT OF ARCHIPELAGO PULAU SILK SERIES 31 #2
(2025)**
90 x 90 cm
Akrilik atas kanvas
RM7,500



**SPIRIT OF ARCHIPELAGO PULAU SILK SERIES 32
(2025)**
143 x 143 cm
Akrilik atas kanvas
RM37,500



**SPIRIT OF ARCHIPELAGO PULAU SILK SERIES 33
(2025)**
143 x 143 cm
Akrilik atas kanvas
RM37,500


**SPIRIT OF ARCHIPELAGO PULAU SILK SERIES 36
(2025)**
122 x 122 cm
Akrilik atas kanvas
RM27,500



zaini/silk/2025



**SPIRIT OF ARCHIPELAGO PULAU SILK SERIES 37
(2025)**
90 x 90 cm
Akrilik atas kanvas
RM7,500



**SPIRIT OF ARCHIPELAGO PULAU SILK SERIES 38
(2025)**
122 x 122 cm
Akrilik atas kanvas
RM27,500



SPIRIT OF ARCHIPELAGO PULAU SILK SERIES 40
(2025)
90 x 90 cm
Akrilik atas kanvas
RM7,500




SPIRIT OF ARCHIPELAGO PULAU SILK SERIES 41
(2025)
90 x 90 cm
Akrilik atas kanvas
RM7,500



SPIRIT OF ARCHIPELAGO PULAU SILK SERIES 50
(2025)
120 x 120 cm
Akrilik atas kanvas
RM12,000



SPIRIT OF ARCHIPELAGO PULAU SILK SERIES 42
(2025)
77 x 77 cm
Akrilik atas kanvas
RM5,500



SPIRIT OF ARCHIPELAGO PULAU SILK SERIES 43
(2025)
77 x 77 cm
Akrilik atas kanvas
RM6,500



SPIRIT OF ARCHIPELAGO PULAU SILK SERIES 44
(2025)
77 x 77 cm
Akrilik atas kanvas
RM6,500



SPIRIT OF ARCHIPELAGO PULAU SILK SERIES 45
(2025)
 70 x 70 cm
 Akrilik atas kanvas
 RM5,500



SPIRIT OF ARCHIPELAGO PULAU SILK SERIES 46
(2025)
 76 x 76 cm
 Akrilik atas kanvas
 RM5,500




**SPIRIT OF ARCHIPELAGO PULAU SILK SERIES 47
(2019)**
90 x 90 cm
Akrilik atas kanvas
RM11,500



**SPIRIT OF ARCHIPELAGO PULAU SILK SERIES 49
(2025)**
70 x 70 cm
Akrilik atas kanvas
RM6,500



**SPIRIT OF ARCHIPELAGO DRAGON SERIES 12
(2025)**
90 x 90 cm
Akrilik atas kanvas
RM7,500



**SPIRIT OF ARCHIPELAGO DRAGON SERIES 13
(2025)**
90 x 90 cm
Akrilik atas kanvas
RM7,500



**SPIRIT OF ARCHIPELAGO DRAGON SERIES 14
(2025)**
90 x 90 cm
Akrilik atas kanvas
RM7,500



**SPIRIT OF ARCHIPELAGO DRAGON SERIES 15
(2025)**
90 x 90 cm
Akrilik atas kanvas
RM7,500



**SPIRIT OF ARCHIPELAGO DRAGON SERIES 16
(2025)**
90 x 90 cm
Akrilik atas kanvas
RM7,500

**SPIRIT OF ARCHIPELAGO DRAGON SERIES 17
(2025)**
143 x 143 cm
Akrilik atas kanvas
RM27,500






SPIRIT OF ARCHIPELAGO DRAGON SERIES 19
(2025)
90 x 90 cm
Akrilik atas kanvas
RM7,500



SPIRIT OF ARCHIPELAGO DRAGON SERIES 20
(2025)
90 x 90 cm
Akrilik atas kanvas
RM7,500



**SPIRIT OF ARCHIPELAGO DRAGON SERIES 21
(2025)**
90 x 90 cm
Akrilik atas kanvas
RM7,500



**SPIRIT OF ARCHIPELAGO DRAGON SERIES 22
(2025)**
90 x 90 cm
Akrilik atas kanvas
RM7,500



**SPIRIT OF ARCHIPELAGO DRAGON SERIES 23
(2025)**
90 x 90 cm
Akrilik atas kanvas
RM7,500



**SPIRIT OF ARCHIPELAGO AROWANA SERIES 7
(2019)**
90 x 84 cm
Akrilik atas kanvas
RM7,500



SPIRIT OF ARCHIPELAGO AROWANA SERIES 8
(2025)
90 x 90 cm
Akrilik atas kanvas
RM7,500



SPIRIT OF ARCHIPELAGO AROWANA SERIES 9
(2025)
90 x 90 cm
Akrilik atas kanvas
RM7,500



**SPIRIT OF ARCHIPELAGO AROWANA SERIES 10
(2019)**
92 x 92 cm
Akrilik atas kanvas
RM7,500



**SPIRIT OF ARCHIPELAGO AROWANA SERIES 30
(2025)**
90 x 90 cm
Akrilik atas kanvas
RM4,500



ATLANTIS PULAU SILK SERIES 1
(2022)
 150 x 150 cm
 Akrilik atas kanvas
 RM45,500



ATLANTIS PULAU SILK SERIES 3
(2022)
 150 x 150 cm
 Akrilik atas kanvas
 RM35,500




**ATLANTIS PULAU SILK SERIES 6
(2022)**

